


Peraturan-peraturan (pemberitahuan, perakuan kelayakan dan pemeriksaan) kilang dan jentera 1970



JENTERA

- Termasuklah dandang stim, vesel tekanan tak berapi, vessel tekanan berapi, penggerak utama, silinder gas, bekas gas, mesin angkat dan takal, jentera penghantaran, jentera dipacu, dan apa-apa perkakas untuk menuang, memotong, mengimpal atau memendapkan logam secara urai-letrik dan bagi penyemburan dengan cara tekanan gas atau udara logam atau bahan lain

*[senarai jentera](#)

BIL	PERKATAAN	TAFSIRAN AM
1	<ul style="list-style-type: none"> Dandang stim (<i>steam boiler</i>) beberapa contoh dandang stim yang perlu didaftarkan 	<ul style="list-style-type: none"> Apa-apa vesel tertutup yang bagi apa-apa maksud stim dijanakan di bawah tekanan yang lebih tinggi daripada tekanan atmosfera dan termasuk mana-mana penjimat yang digunakan untuk memanaskan air yang disalurkan kepada vesel itu, dan mana-mana pemanas lampau yang digunakan untuk pemanasan stim, dan mana-mana paip dan kelengkapan yang bersambungan dengannya. Dandang Stim Tiub Air Dandang Stim Tiub Api Dandang Stim Elektrik Waste Heat Recovery Boiler Walau bagaimanapun, peralatan-peralatan seperti Thermal Oil Heater dan Dandang Air Panas masih perlu didaftarkan meskipun tidak menghasilkan stim.

BIL	PERKATAAN	TAFSIRAN AM
2	<ul style="list-style-type: none"> • Vesel tekanan tak berapi (<i>unfired pressure vessels</i>) • contoh pengandung tekanan tak berapi yang perlu mendapat kelulusan rekabentuk 	<ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana vesel tertutup di bawah tekanan yang lebih kuat daripada tekanan atmosfera oleh mana-mana gas atau campuran atau gabungan gas dan termasuklah mana-mana vesel di bawah tekanan stim di luar dandang stim dan mana-mana vesel yang dibawah tekanan cecair atau gas atau keduanya, dan mana-mana vesel yang secara dalamnya tertakluk kepada suatu tekanan yang kurang daripada tekanan atmosfera tetapi tidak termasuk silinder gas. <p>Bekas udara (<i>Air container</i>) Penyucihama (<i>Steriliser</i>) Tangki simpanan LPG (<i>LPG storage tank</i>) Penukar haba (<i>Heat Exchanger</i>) Pengandung tekanan di loji petro kimia (<i>Pressure vessels at the petrochemical plants</i>)</p>

BIL	PERKATAAN	TAFSIRAN AM
3	<ul style="list-style-type: none"> Penggerak utama (<i>prime movers</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> Tiap-tiap enjin, motor atau alat lain yang membekalkan tenaga mekanikal yang diperolehi dari udara, stim, air, angin, tenaga elektrik, pembakaran bahanapi atau sumber lain
4	<ul style="list-style-type: none"> Mesin angkat (<i>Hoisting machines</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> suatu lif, tangga gerak, pesawat-angkat, kren, winch, jengkaut, piling mesin, pengangkut atau kerangka cerucuk dan kelengkapan yang berkaitan denganya
5	<ul style="list-style-type: none"> Silinder gas 	<ul style="list-style-type: none"> Suatu silinder atau botol keluli yang digunakan untuk menyimpan dan mengangkut gas mampat, larut atau cair

PERAKUAN KELAYAKAN

PERATURAN 10. JENTERA MEMERLUKAN PERAKUAN KELAYAKAN

- Pemunya tiap **dandang stim, pengandung tekanan tak berapi** atau **mesin angkat** lain daripada mesin angkat gunatangan hendaklah memegang satu perakuan kelayakan yang sah selagi jentera itu digunakan.
- Perakuan kelayakan hendaklah mengikut [Borang A, B dan C](#) dalam jadual keenam kepada peraturan ini
- Tempoh sah tiap perakuan kelayakan biasanya 15 bulan daripada tarikh pemeriksaan atau tidak melebihi 3 tahun

Rekod [perakuan kelayakan](#) dan penyelenggaraan jentera

PEMERIKSAAN BERJADUAL

Jenis-jenis Pemeriksaan:

- Pemeriksaan Permulaan
- Pemeriksaan Berkala
- Pemeriksaan Tambahan
- Pemeriksaan Khas

Pemeriksaan Permulaan

- Pemeriksaan jentera dibuat oleh Inspektor selepas menerima notis berkaitan jentera yang memerlukan Perakuan Kelayakan (CF).

Pemeriksaan Berkala

- Pemeriksaan dibuat secara berkala selagi jentera digunakan.
- Setiap 15 bulan, bergantung kepada kebenaran bagi lanjutan tempoh tidak melebihi 36 bulan.

Pemeriksaan Tambahan

- Pemeriksaan tambahan selain pemeriksaan permulaan dan berkala berkaitan dandang stim dan pengandung tekanan.
- Perlu dibuat dalam tempoh 3 bulan selepas pemeriksaan permulaan dan berkala dijalankan.

Pemeriksaan Khas

- Dilakukan oleh Inspektor sebaik mendapat permohonan bertulis daripada bakal pembeli jentera.